

Buka kunci air elak banjir

SUNGAI BESAR - Penduduk Kampung Nelayan Sungai Haji Dorani, dekat sini merungut berikutan halaman rumah mereka dibanjiri air berpunca daripada kunci air yang tidak dikawal rapi oleh pihak bertanggungjawab.

Ahli Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) berkenaan, Abdul Talib Lambak berkata, kunci air yang tidak dibuka menyebabkan air tidak dapat disalurkan terus ke laut sekali gus bertakung di halaman rumah penduduk.

Menurutnya, keadaan menjadi teruk terutama apabila hujan lebat kerana rumah penduduk akan dinaiki air.

"Kami susah hati bila cuaca hujan kerana rumah pasti dinaiki air. Bila jadi macam ini, kami terpaksa bersihkan halaman rumah, malah tugas harian juga terganggu akibat masalah ini," katanya.

Justeru itu katanya, pihak bertanggungjawab diminta supaya peka dengan keadaan ini dan pastikan kunci air dibuka sekiranya hujan lebat.

"Kami minta sangat-sangat supaya pihak berkenaan prihatin dengan nasib kami. Kami tak selesa hidup macam ini kerana risau rumah dinaiki air yang boleh mengancam keselamatan kami sekeluarga," katanya kepada *Sinar Harian*.



Kunci air di muara Sungai Besar tidak dikelola dengan baik sekali gus menyebabkan halaman rumah penduduk dinaiki air sekiranya hujan.